

'Jejas pekebun tempatan tapi bantu sekuriti makanan'

Pakar akui penerokaan warga asing bantu negara tingkat pengeluaran

Oleh Mahani Ishak
mahani@bh.com.my

Kuala Lumpur: Penerokaan tanah secara haram dilakukan warga Indonesia, Bangladesh dan etnik Rohingya bagi tujuan kebun sayur komersil disebabkan negara ini mempunyai banyak kawasan tanah subur terbiar, selain diusahakan demi kelangsungan hidup dan meraih pendapatan.

Biarpun tindakan pendatang itu menjejaskan pekebun tempatan, namun kalangan pakar berkaitan sekuriti makanan dan biosumber, berpendapat kegiatan mereka juga membantu negara meningkatkan pengeluaran serta mengurangkan kebergantungan import sumber makanan.

Pensyarah Jabatan Perniagaan Tani dan Ekonomi Biosumber, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Norsida Man, berkata tidak dinafikan kegiatan itu menyebabkan warga asing mendominasi pasaran atau mewujudkan kartel, terutama sektor berkaitan pengeluaran makanan sehingga sukar untuk digugat.



Beliau berkata, situasi itu masih boleh dikawal sekiranya Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan meningkatkan kerjasama dengan polis, Jabatan Imigresen serta pihak berkuasa tempatan bagi mencari penyelesaian dan merangka tindakan bersesuaian menangani monopoli warga asing.

"Meskipun pekebun tempatan terjejas disebabkan saingan pengusaha asing, tetapi pengeluaran sumber makanan berupaya stabil kerana banyak tanah terbiar dapat diusahakan, malah kawasan subur berada berdekatan bandar atau luar bandar.

"Ini kerana secara tidak langsung, kegiatan warga asing itu berupaya membantu meningkatkan kadar keterjaminan makanan negara, walaupun tindakannya tidak bertepatan dengan lunas undang-undang.

"Namun, tindakan rentas Kementerian diharapkan untuk mengambil tindakan terhadap pekebun haram dan ia akan memberi lebih peluang kepada anak tempatan atau usahawan untuk bergiat aktif tanpa kerehnan birokrasi," katanya.

BH semalam melaporkan warga Bangladesh, Indonesia dan Rohingya kini semakin menguasai industri sayur-sayuran dengan mereka didakwa mengusahakan 1,000 hektar kebun sayur haram di serata tempat di negara ini.

Rangkaian yang dibina warga asing itu semakin meluas dan aktif dilakukan sejak lima tahun lalu turut didakwa menjejaskan lebih 2,000 pekebun tempatan kerana mereka kini bertindak sebagai pengusaha, bukan lagi sebagai pekerja.

Kegiatan itu paling banyak dikesan dilakukan di Selangor, Johor, Melaka, Pulau Pinang dan Pahang terutama di Cameron Highlands dengan anggaran keseluruhan kebun haram di setiap negeri itu berkeluasan antara 50 hingga 100 hektar.

Norsida berkata, resam hidup warga asing yang gemar menanam sayuran, menternak haiwan dan membela ikan, dibawa ke negara ini membuatkan mereka mampu melakukannya walaupun tinggal di tempat sempit.

"Mereka datang dari negara miskin yang mempunyai kepadatan penduduk tinggi dan persaingan itu menyebabkan mereka mempunyai keberanian untuk mengambil risiko dan cabaran demi kelangsungan hidup.

"Berbeza rakyat tempatan, pertanian bukan bidang pilihan dan penerokaan haram semakin buruk apabila penguatkuasaan lemah dan warga asing ini mendapat peluang berniaga di

pasar borong kerana orang tempatan menyewakan lesen mereka," katanya.

Dua perspektif berbeza

Sementara itu, Pengarah Institut Pertanian Tropika dan Sekuriti Makanan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Anjas Asmara Samsudin, berkata pembabitan warga asing sebagai pengusaha tanaman makanan perlu dilihat dalam dua perspektif berbeza.

"Pembabitan aktif mereka membantu meningkatkan pengeluaran dan mengurangkan perbelanjaan import perbelanjaan sumber makanan negara, selain menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan dari segi logistik, urus niaga input pertanian seperti baja dan racun perosak tanaman dan penjualan di pasar.

"Ia kerana kelompok warga asing ini hanya menjalankan pengoperasian pada peringkat penghasilan peringkat ladang. Ini terjadi kerana isu kekurangan pekerja tempatan, terutama golongan belia dalam aktiviti pertanian," katanya.

Namun katanya, monopoli pengusaha asing mendatangkan kemerosotan hasil tanaman berikutan penggunaan racun perosak berlebihan, mengancam hidupan akuatik akibat baja berlebihan serta menyebabkan gangguan ekosistem sungai.

"Dari sudut alam sekitar pula, penerokaan kawasan lereng bukit tidak terkawal akibat aktiviti penanaman sayur-sayuran men-

Pembabitan aktif mereka membantu meningkatkan pengeluaran dan mengurangkan perbelanjaan import perbelanjaan sumber makanan negara

Anjas Asmara Samsudin, Pengarah Institut Pertanian Tropika dan Sekuriti Makanan, UPM



jurus insiden tanah runtuh.

"Malah, aktiviti penerokaan tanah secara haram mungkin berlaku disebabkan ketirisan amalan kerja dan ini memerlukan pemantauan berkala serta maklumat dari orang awam adalah sangat penting dalam memastikan ia dikurangkan daripada terus berlaku," katanya.

Namun, beliau berpandangan, warga asing tidak berupaya mengawal rantai perbekalan sayur-sayuran kerana isu besar dalam aktiviti penghasilan sumber makanan negara disebabkan kekurangan pekerja pada peringkat pengoperasian ladang.

"Boleh dikatakan hampir semua sektor pertanian, sama ada tanaman sayuran, ternakan, perikanan dan perladangan mempunyai kekangan dalam mendapatkan pekerja warga tempatan terutamanya golongan belia.

"Bagi sektor rantai lain seperti logistik dan pemasaran, ini tidak menjadi isu kerana boleh dikatakan hampir semua terbabit dalam rantai ini syarikat milik rakyat tempatan," katanya.